

# Berita KUKUM

## **A // MALAM JASAMU DIKENANG**

Malam Jasamu Dikenang ini telah diadakan pada 31 Mac 2004 bagi meraikan dua tokoh utama KUKUM iaitu En. Ku Halim Ku Ariffin dan Tn. Haji Ayob Ismail. En. Ku Halim, Pendaftar KUKUM pada masa itu telah memilih untuk bertukar profesion sebagai pensyarah di KUKUM, manakala Tn. Haji Ayob, Bendahari KUKUM pula telah bersara wajib. Pada malam tersebut kedua-dua tokoh ini telah diraikan oleh Ketua-ketua Jabatan dan Kakitangan dari Jabatan Pendaftar dan Jabatan Bendahari. Turut hadir pada majlis yang diadakan di Hotel Putra Palace ini ialah Y.Bhg. Lt. Kol. Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM.

